

## **11/08/2016 - Sesi Hari Terbuka Rangka Kerja Pembangunan Inklusif Strategik Bagi Projek HSR**

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah,  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan;

Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff,  
Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi;

Yang Berusaha Encik Mohd Nur Ismal bin Mohamed Kamal,  
Ketua Pegawai Eksekutif, MyHSR Corporation Sdn. Bhd.;

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah MyHSR Corporation,

Y.Bhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kerana meluangkan masa untuk hadir ke sesi 'Open Day' pada pagi ini. Seperti yang para hadirin semua sedia maklum, Kerajaan Malaysia kini dalam perancangan untuk membina satu keretapi berkelajuan tinggi dari Kuala Lumpur ke Singapura.

2. Komitmen daripada Kerajaan Malaysia dan Singapura dalam projek ini adalah jelas. Ini dapat dilihat dalam sesi menandatangani 'Memorandum of Understanding' pada 19 Julai 2016 yang telah disaksikan oleh kedua – dua Perdana Menteri. Seterusnya, kedua-dua pihak dari Malaysia dan Singapura akan berusaha keras untuk memeterai perjanjian dua-hala selewatnya-lewatnya pada penghujung tahun ini.

3. Projek High Speed Rail ini ialah satu projek “game changer” yang akan merapatkan jarak di antara dua ekonomi gergasi di Asia Tenggara iaitu Malaysia dan Singapura. High Speed Rail ini bakal menghubungkan 7 bandar di dalam Malaysia dan akan memendekkan masa perjalanan ke Singapura dalam hanya 90 minit.

4. Projek HSR ini bukan sahaja diilhamkan sebagai satu projek infrastruktur tetapi untuk Kerajaan Malaysia, ianya lebih kepada satu projek pembangunan ekonomi. Sebagai satu projek pembangunan ekonomi, projek HSR ini akan mentransformasikan Malaysia secara holistik dan inklusif dan melonjak kita sebagai sebuah negara maju.

5. Perkhidmatan transit yang akan disediakan bakal menjadi satu pemangkin ekonomi untuk bandar-bandar yang dihubung sepanjang jajaran HSR ini. Ianya akan mentransformasikan bandar-bandar tersebut sebagai bandar berdaya saing dan menjadi penjana ekonomi baru untuk menjayakan Malaysia sebagai negara maju.

6. Untuk memastikan manfaat sosio-ekonomi ini direalisasikan, pembangunan sosio-ekonomi perlulah dirancang dari sekarang bersama-sama aspek infrastruktur HSR. Kerajaan Malaysia sedar bahawa HSR ini mempunyai potensi besar untuk membawa manfaat baik kepada rakyat Malaysia tetapi potensi ini memerlukan satu pelan. Pelan ini seharusnya dirancang dan dirangka dari sekarang. Dalam hal ini, kita memerlukan satu rangkakerja yang kompetitif dari segi ekonomi dan juga inklusif dan holistik, selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya ingin mengambil peluang pada hari ini untuk merakamkan ucapan penghargaan saya kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang telah terlibat di dalam pembangunan rangka kerja pembangunan inklusif strategik ini.

8. Saya difahamkan para jemputan terdiri dari mereka yang mewakili Kerajaan Negeri, Kementerian, agensi dan syarikat yang telah bekerjasama bersama EPU dan MyHSR

Corporation, untuk memberi idea dan untuk merangka rangkakerja sosio-ekonomi sepanjang jajaran HSR.

9. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak EPU dan MyHSR Corporation di atas usaha untuk membawa bersama pihak Kerajaan dan juga pihak swasta dalam menjayakan perkara ini.

10. Saya menerima baik kerjasama erat di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta ini untuk bersama membangunkan ekonomi negara dan menjaga kesejahteraan rakyat. Bersama-samalah kita beusaha untuk menjayakan visi kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, iaitu 'a High Income Advanced Economy'.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office**

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2068>